

30 JUL 1997

Soros-MCA

KEDUTAAN AMERIKA ENGGAN TERIMA SURAT MCA MENGENAI SOROS

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kedutaan Amerika Syarikat di sini enggan menerima surat daripada Pemuda MCA yang membantah tindakan spekulator George Soros orang yang didakwa memanupilasikan pasaran mata wang Asean.

Pengerusi Pemuda MCA bagi Biro Hal ehwal Antarabangsa Lee Hwa Beng hari ini berkata seorang pegawai kedutaan itu enggan menerima surat berkenaan atas alasan bahawa beliau dan kerajaannya tiada kena mengena dengan George Soros.

Lee dan sembilan lagi anggota jawatankuasa Pemuda MCA termasuk naib pengerusi Hoo Seong Chang, tiba di kedutaan itu pagi ini untuk menyerahkan kepada duta berkenaan, surat yang menyatakan rasa kesal dan bantahan MCA terhadap Soros.

Bagaimanapun, hanya Lee dan Hoo dibenarkan memasuki kawasan kedutaan dan mereka dibawa berjumpa dengan Kaunselor bagi Hal Ehwal Politik Amerika Jeffrey J Lundstead di pejabatnya.

Sabtu lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menamakan Soros sebagai orang yang di belakang tindakan memanupilasikan mata wang Asean.

Surat itu antara lain menegaskan sokongan Pemuda MCA terhadap pendedahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Soros dan menggesa kerajaan Amerika mengambil tindakan terhadap kegiatan sedemikian oleh warganegaranya.

Lee berkata Pemuda MCA akan menghantar surat bantahan itu kepada Duta John Malott melalui pos.

Sementara itu Pemangku Pegawai Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Thomas R. Carmichael berkata jika Pemuda MCA berasa tidak puashati dengan Soros ia sepatutnya menghantar surat itu terus kepada beliau.

"Soros ialah rakyat Amerika tetapi dia merupakan warganegara persendirian dan jika anda ada rasa tidak puashati terhadapnya surat anda sepatutnya dihantar terus kepadanya dan bukan kedutaan.

"Ini merupakan sesuatu yang peribadi dan kedutaan Amerika bukan saluran yang betul. Bukanlah menjadi dasar kerajaan Amerika untuk campurtangan dalam hal ehwal warganegara persendiriannya," katanya

Isnin lepas Setiausaha Rendah Bagi Hal Ehwal Ekonomi, Perniagaan dan Pertanian Amerika Stuart Eizenstat berkata kerajaannya menafikan Soros sebagai satu-satunya orang yang bertanggungjawab dalam spekulasi matawang Asean.

Beliau mempertahankan pendirian kerajaan Amerika bahawa pergerakan pasaran tidak dikuasai oleh segelintir spekulator matawang, lebih-lebih lagi seorang individu. -- BERNAMA

ARA RON